

# Malaysia tawar bantuan, latihan kepada Guinea-Bissau

UTUSAN MALAYSIA 05 JUN 2025 m/s: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia sedia menawarkan bantuan kepakaran dan latihan melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) serta program berskala besar dalam usaha memperkukuh kerjasama strategik dengan Guinea-Bissau.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, inisiatif itu akan diselaraskan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani


Beliau berkata, pelbagai isu penting telah dibincangkan dalam pertemuan bersama Presiden Guinea-Bissau, Jeneral Umaro Sissoco Embaló meliputi kerjasama pelbagai bidang seperti industri halal, perbankan Islam dan pelaksanaan di institusi pengajian tinggi serta sektor industri.

“Kerjasama ini termasuk bidang-bidang strategik seperti semikonduktor, minyak dan gas, serta teknologi makanan.

“Kita bersedia menawarkan kepakaran serta bantuan teknikal bagi memperkukuh kapasiti Guinea-Bissau dalam bidang-bidang ini,” katanya dalam sidang akhbar bersama di sini, semalam.

Anwar berkata, lawatan rasmi sulung Embaló ke Malaysia membawa makna besar dalam membina semula hubungan dua hala yang sebelum ini agak terhad, sekali gus membuka ruang baharu untuk kerjasama serantau dan rentas benua.

“Beliau mempunyai visi yang jelas untuk menjalin kerjasama lebih erat dengan Ma-



**ANWAR Ibrahim dan Umaro Sissoco Embaló bersalaman selepas sidang akhbar bersama di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, sempena lawatan rasmi beliau ke negara ini, semalam.**

laysia sebagai pintu masuk ke ASEAN, manakala kita pula melihat Guinea-Bissau sebagai rakan strategik untuk mengukuhkan kehadiran kita di Afrika Barat,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia turut mengalu-alukan penglibatan syarikat-syarikat utama seperti Petronas dan FGV bagi meneroka peluang pelaburan dan kerjasama bukan sahaja di Guinea-Bissau, tetapi juga sebagai platform untuk memperluas pengaruh di Afrika.

Anwar berkata, kerjasama

dalam bidang halal dan kewangan Islam turut diberi keutamaan, sejajar dengan hasrat kedua-dua negara untuk membangunkan ekonomi berteraskan nilai dan prinsip Islam.

Sementara itu, Embaló memberitahu, Guinea-Bissau mahu menjadikan Malaysia sebagai rakan strategik utama di Afrika, dan percaya Malaysia mampu memainkan peranan lebih besar bukan sahaja di rantau Asia, malah di peringkat global.

“Malaysia boleh menjadi kunci hubungan kami dengan

dunia. Apabila kita mula berhubung dengan saudara-saudara kita, itulah saat kita benar-benar saling memahami dan bekerjasama,” katanya.

Katanya, beliau sendiri akan terus berhubung dengan Perdana Menteri dan telah mengarahkan Setiausaha Negara Guinea-Bissau untuk bekerjasama rapat dengan rakan sejawatan di Malaysia.

“Kami akan pantau rapat pelaksanaan ini kerana kami merasakan hubungan ini sangat penting dan dekat di hati kami,” ujarnya.